

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN PRABAKARAN A/L M
PARAMESWARAN [BATU]**

TARIKH : 07 DISEMBER 2021 (SELASA)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan adakah Kerajaan mempunyai rancangan untuk menyerap pekerja kontrak Kerajaan di sekolah dan hospital menjadi pekerja tetap Kerajaan seperti sebelum tahun 1997 memandangkan satu kajian dari Jaringan Pekerja Kontrak Kerajaan (JPKK) mengatakan beban ditanggung oleh Kerajaan selepas pengswastaan lebih tinggi dari sebelumnya dari segi penjimatan wang dan kebajikan sosial pekerja.

JAWAPAN

**DI JAWAB OLEH YB DATUK DR ABD LATIFF AHMAD
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (TUGAS-TUGAS KHAS)**

Tuan yang Dipertua,

1. Pekerja kontrak yang dimaksudkan oleh pihak YB **adalah pekerja yang diambil bekerja oleh syarikat-syarikat swasta yang mendapat kontrak Kerajaan** untuk menjalankan atau memberikan perkhidmatan seperti khidmat pembersihan dan khidmat kawalan keselamatan di premis-premis Kerajaan seperti di sekolah dan hospital. Sehubungan itu, Kerajaan tidak berhasrat untuk menyerap para pekerja kontrak ini ke dalam perkhidmatan awam memandangkan mereka adalah pekerja swasta.
2. Walau bagaimanapun, sekiranya pekerja-pekerja ini berminat untuk memasuki perkhidmatan awam, mereka perlulah memenuhi syarat-syarat semasa yang ditetapkan oleh Suruhanjaya bagi skim perkhidmatan yang bersesuaian. Pemohonan boleh dibuat dengan menggunakan Sistem Pendaftaran Pekerjaan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia (SPA9) melalui Portal Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia manakala maklumat jawatan-jawatan yang ditawarkan boleh dirujuk melalui Portal Suruhanjaya Perkhidmatan Awam Malaysia di bahagian Syarat Lantikan/Gaji/Deskripsi Tugas.

Sekian, terima kasih.